



YEOH SONG HENG menunjukkan hakisan yang berlaku di pantai di Sekinchan, Sabak Bernam semalam.

Pengusaha jeti resah hakisan kian serius

SABAK BERNAM 1 Julai - Hakisan pantai yang berlaku setiap kali air pasang ternyata meresahkan pengusaha jeti di Bagan Sekinchan di sini.

Yeoh Song Heng, 49, berkata, setiap kali fenomena air pasang berlaku, air laut akan naik ke atas jalan raya lalu mengalir masuk ke jeti hingga menyebabkan urusan perniagaannya terganggu.

Menurutnya, pada masa ini, batu konkrit yang diletakkan sebagai penahan benteng tidak mampu mengatasi masalah itu berikutan kedudukannya yang rendah.

"Keadaan ini menimbulkan kesulitan kepada saya sejak sekian lama dan saya mohon pihak berwa-

jib agar memandang berat perkara ini agar ada jalan penyelesaian," katanya di sini, hari ini.

Selain itu, jelas Song Heng, keadaan itu turut menyebabkan jeti penyimpanan ikan miliknya dipenuhi sampah-sarap yang banyak termasuk lumpur.

Katanya, kesan lumpur akibat air pasang bukan sahaja mengundang bau busuk malah mencemarkan keadaan sekeliling.

"Saya juga terpaksa mengeluarkan wang sendiri membeli jaring untuk dipasang pada batu konkrit bagi memerangkap sampah-sarap.

"Kami sudah tidak sanggup untuk berdepan masalah ini saban tahun," ujarnya.